

[BAB 4: TAMADUN & PERADABAN]

4.1 PENDAHULUAN

Islam adalah agama iaitu cara hidup yang sempurna. Tamadun adalah persis cara hidup yang bertunjangkan nilai-nilai mulia yang wujud dalam masyarakat. Tamadun manusia yang berasaskan bangsa tidak akan kekal, tetapi tamadun manusia yang berasaskan agama akan kekal sepanjang zaman hingga berakhirnya umur dunia ini.

4.2 KONSEP TAMADUN ISLAM

4.2.1 Definisi Tamadun Islam

Istilah 'tamadun' ini dikatakan berasal daripada perkataan bahasa Arab, *maddana* (membentuk kota). Namun, istilah lain bagi menunjukkan konsep tamadun termasuklah:

- *adab* / akhlak / sopan santun.
- *hadd* (material dan spiritual) / teknologi
- *siyasah* / cara hidup / pergaulan.
- *ta'lim* / pendidikan.

Lafaz yang biasa dipakai dalam bahasa melayu ialah kebudayaan, peradaban, tamadun dan madani. *Madani adalah terminologi baru yang dipakai pada masa kini.

Dalam bahasa Inggeris: Tamadun diterjemahkan sebagai *culture*, *enlightenment*, dan *civilization*.

Dalam bahasa arab pula, 'tamadun' digunakan kalimah-kalimah seperti al-thaqafah (الثقافة), al-hadharah (الحضارة), al-'umran (العمران), al-bunyan (البنیان), al-madaniyah (المدنيّة), dan al-tamaddun (التَمَدُّن).

Oleh itu, tamadun Islam bererti pembangunan, kebudayaan, peradaban, pendidikan dan sebagainya yang berdasarkan ajaran Islam, iaitu bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.